

BAHASA MELAYU

TINGKATAN 4&5

NAMA PENUH :		KELAS :	TARIKH :
TAJUK :	PERIBAHASA	SK : 4.2 SP : 4.2.2	RUJUKAN : BUKU TEKS T4
KRITERIA KEJAYAAN :	1. Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan. 2. Menggunakan dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.		
AKTIVITI :	1. Murid dapat Memahami dan menggunakan peribahasa dalam lisan dan penulisan. 2. Murid dapat menggunakan dan menghubungkan kait maksudnya dengan betul mengikut konteks.		

LATIHAN 1

Padankan peribahasa berikut dengan maksud yang paling tepat



PERIBAHASA	MAKSUD
Belayar sambil memapan.	Hasil usaha sendiri.
Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun, sudah hendak berumah tangga.	Jika mempunyai cita-cita seseorang itu akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapainya.
Hendak belaiar berenang, dapatkan itik, hendak belajar memanjat, dapatkan tupai.	Belum cukup umur sudah hendak beristeri.
Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.	Sekiranya hendak mengetahui atau menguasai sesuatu perkara, belajarliah daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut.
Orang mengantuk disorongkan bantal.	Jika bernasib baik akan selamat, jika bernasib malang binasalah.
Zaman Tuk Nadur berkajang kain.	Memperoleh apa yang benar-benar diinginkan.
Pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang.	Suatu masa atau zaman yang telah lalu; Suatu atau zaman yang telah lama sekali berlalu.
Bertanggung itu pencuri masa.	Tak akan tercapai maksudnya kalau tak mahu berusaha dan bersusah payah.
Untung sabut timbul, untung batu tenggelam.	Melakukan dua pekerjaan atau perkara sekali gus.
Titik peluh.	Melakukan kerja secara bertanggung akan merugikan diri sendiri.